

<b>Headline</b>	<b>Lonjak semangat pelajar</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro</b>		
<b>Date</b>	16 May 2016	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Setempat	<b>Circulation</b>	1,270,667
<b>Page No</b>	40	<b>Readership</b>	3,812,000
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	489 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	MUHAMMAD SAUFI HASSAN	<b>AdValue</b>	RM 19,264
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 57,791



# Lonjak semangat pelajar

■ 100 pelajar cemerlang terima Anugerah Kecemerlangan Lembaga Tabung Haji

Muhammad Saufi Hassan  
saufi@metro.com.my

Kuala Lumpur

P rithat terhadap pembinaan akademik serta lonjakan semangat golongan pelajar, seramai 100 pelajar menerima Anugerah Kecemerlangan daripada Lembaga Tabung Haji (TH) hasil keputusan cemerlang dalam peperiksaan yang diadu.

Anugerah berkenaan membabitkan pelajar yang menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Ketua Pegawai Operasi TH Datuk Adi Azuan Abdul Ghani berkata, seramai 50 penerima bagi kategori UPSR, 30 penerima untuk PT3 dan 20 penerima kategori SPM.

"Anugerah ini diberikan sebagai satu pengiktirafan TH kepada mereka yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan serta lonjakan semangat untuk terus konsisten dalam akademik."

"Kita sememangnya mewujudkan pelajar yang bertutur kata dan bertindak"



ADI AZUAN (tengah) beramah mesra dengan penerima anugerah

rikulum dan pelbagai program dilaksanakan untuk merentaskan tujuan itu," katanya kepada selesa majlis penyampaian anugerah itu, di sini, semalam.

Adi Azuan berkata, program ini dilaksanakan setiap tahun dan semua penerima

anugerah adalah ahli Kelab Tabung Haji (TaHa) dan juga pendeposit TH.

Beliau berkata, TH mem-

peruntukkan RM1.5 juta setiap tahun bagi program pembinaan akademik serta kurikulum dengan pelbagai modul latihan seperti

kem peperiksaan, motivasi ibadah untuk pembentukan sahsiah dan beberapa lagi program lain.

"Sehingga kini, sebanyak 1.18 juta kanak-kanak adalah ahli Kelab TaHa dan jumlah itu antara keahlian terbesar di negara ini. Saya berharap

lebih ramai lagi ibu bapa yang mendaftarkan anak mereka di TH," katanya.

Sementara itu, seorang pe-

nerima pelajar terbaik, Mohamad Zul Farhan Mohamed, 19, yang memperoleh 9A dalam SPM lalu nyata berbangga dengan kejayaannya dan



“Ia hasil dorongan diberikan Kelab TaHa menerusi aktiviti dilaksanakan sepanjang tahun”

Mohamad Zul Farhan Mohamed

beranggapan ia adalah hasil dorongan yang diberikan Kelab TaHa menerusi aktiviti dilaksanakan sepanjang tahun.

Dia yang juga bekas pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) berkata, Kelab TaHa sentiasa prihatin terhadap perkembangan akademik setiap ahlinya dan itu sangat berbeza dengan kelab lain.

>>Semua penerima anugerah adalah ahli Kelab Tabung Haji dan pendeposit TH

16-05-2016